



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PEMBANGUNAN INDUSTRI MUZIK MALAYSIA

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah menganjurkan sesi perjumpaan penggiat industri muzik semalam (24 Jun 2019) untuk mendengar pandangan dan cadangan mereka tentang masalah pembangunan industri muzik.

Perjumpaan yang bertempat di Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) ini turut dihadiri oleh YB Tuan Eddin Syazlee Shith, Timbalan Menteri dan En Shakib Ahmad Shakir, Timbalan Ketua Setiausaha.

Lebih daripada 80 orang penggiat industri muzik yang terdiri daripada penyanyi, komposer, syarikat rakaman, label dan pengurusan, artis *indie* dan karyawan telah hadir ke sesi perjumpaan ini.

Mengambil kira kehendak penggiat industri muzik bahawa terdapat keperluan untuk mengawal selia pembangunan industri muzik negara, sukacita saya memaklumkan bahawa satu Jawatankuasa Awal (*Pro-tem*) Muzik akan ditubuhkan untuk mengkaji isu-isu berkenaan penggiat seni muzik dalam masa sebulan dari sekarang.

Jawatankuasa ini akan terdiri daripada wakil-wakil industri muzik bagi tujuan membincangkan merangka strategi ke arah pembangunan industri muzik negara dan juga untuk mengemukakan cadangan-cadangan bagi penubuhan satu badan khusus untuk menerajui industri muzik dan bagi penyediaan Dasar Industri Muzik Negara.

Dalam sesi perjumpaan ini, banyak perkara telah dibangkitkan termasuk isu siaran kandungan muzik antarabangsa yang diberikan keutamaan berbanding dengan kandungan atau penerbitan tempatan, isu kewangan dan dana, kebajikan penggiat seni serta pembayaran royalti, semuanya yang mana memerlukan perhatian segera.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa kementerian saya amat prihatin dengan perlunya tindakan segera diambil untuk memperkukuhkan industri muzik di negara kita. Saya juga mengambil maklum dengan semua perkara yang dibangkitkan termasuk cabaran-cabaran yang dihadapi selaras dengan perubahan masa.

Saya juga setuju bahawa dana yang berasingan perlu dipertimbangkan untuk industri muzik demi pembangunan industri ini dan saya akan membincangkan perkara ini dengan Menteri Kewangan dengan kadar segera.

Perjumpaan semalam merupakan permulaan usaha-usaha Kementerian saya untuk memperkasa industri muzik Malaysia dengan kerjasama penggiat-penggiat muzik di negara kita.

Banyak lagi pertemuan sebegini akan diadakan untuk memastikan semua pandangan dan cadangan daripada industri ini diambil kira dalam perkara pembentukan perbadanan yang akan menerajui industri muzik dan membentuk Dasar Industri Muzik Negara.

Adalah menjadi harapan saya bahawa semua yang terlibat dalam industri ini akan membantu dan memberi kerjasama sepenuhnya untuk kita bersama-sama menjayakan industri muzik kita.

GOBIND SINGH DEO
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
25 JUN 2019